

17/11/1998

Australia tawar pakej bantuan

AUSTRALIA menawarkan pakej bantuan untuk membantu negara anggota Apec yang menghadapi krisis kewangan, termasuk Malaysia.

Tawaran itu disampaikan oleh Perdana Menteri, John Howard dalam pertemuan dua hala dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata tawaran itu bertujuan membantu penyusunan pentadbiran ekonomi dan mempertingkatkan keupayaan negara terbabit.

"Australia juga bersetuju bahawa kelemahan dalam sistem kewangan antarabangsa perlu dikenal pasti dan mengambil langkah mengatasinya.

"Serentak itu, ia mencadangkan penubuhan sebuah badan petugas untuk melihat masalah ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu. Pertemuan kira-kira 40 minit itu turut dihadiri oleh Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebelum ini Jepun dan Taiwan turut menyatakan kesediaan untuk membantu negara serantau, termasuk Malaysia yang menghadapi masalah kewangan.

Rafidah berkata, Howard dijangka membangkit pakej bantuan itu pada sidang kemuncak pemimpin Apec, Rabu ini.

Berikutan itu, katanya, Malaysia akan memutuskan sama ada menerima pakej berkenaan atau sebaliknya, selepas menerima penawaran rasmi.

"Kita belum meneliti pakej yang akan ditawarkan. Kalau kita rasa ada faedah, kita akan timbang menerimanya," katanya.

Rafidah berkata, Australia juga bersetuju dengan Malaysia bahawa forum Kumpulan 22 (G22) wajar menjadi kumpulan utama untuk menentukan arah haluan sistem kewangan antarabangsa.

(END)